
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

MODUL

PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK MERENTAS KURIKULUM



IPW

INVENTORI PERSONALITI WARNA

satu alat ukuran yang dibina bertujuan untuk mengukur atau mengenal pasti ciri-ciri personaliti berasaskan personaliti warna

IKEP/IKP

INVENTORI KECERDASAN PELBAGAI

instrumen yang digunakan untuk mengenalpasti kebolehan semula jadi murid, personaliti, bakat, minat dan kecenderungan

IMK

INVENTORI MINAT KERJAYA

Mengenalpasti bidang minat dan jenis personaliti individu

ISI KANDUNGAN

PRAKATA MUKADDIMAH 4

Kata Alu-aluan:

Pengarah Kementerian Pendidikan 5

Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan 6

Pegawai Pendidikan Daerah Tampin 7

BAB 1 : PENGENALAN

Pentaksiran Psikometrik 9-10

BAB 2 : INVENTORI KECERDASAN PELBAGAI

Pengenalan 12

Teori Kecerdasan Pelbagai 14

2.1 IKP (Sekolah Menengah)

2.1.1 Instrumen IKP 15

2.1.2 Carta Alir Pentadbiran 16

2.1.3 Penerangan Konstruk 17-19

2.1.4 Perkaitan instrumen dengan PdP 20

2.1.5 Penerangan data dan graf analisis IKP 21

2.2 IKeP (Sekolah Rendah)

2.2.1 Instrumen IKeP 22

2.2.2 Carta Alir pentadbiran 23

2.2.3 Penerangan konstruk 24-27

2.2.4 Perkaitan instrumen dengan PdP 28

2.2.5 Penerangan data dan graf analisis IKeP 29

2.3 Cadangan intervensi instrumen IKP/IKeP dengan PdP 29-31

2.4 Interpretasi skor 32-36

BAB 3 : INVENTORI MINAT KERJAYA (IMK)

3.1 Pengenalan
3.2 Teori Kerjaya Holland
3.3 Instrumen IMK
3.4 Carta Alir Pentadbiran 40-41
3.5 Penerangan Konstruk 42-43
3.6 Perkaitan instrumen IMK dalam PdP 44
3.7 Penerangan data dan graf analisis IMK

BAB 4 : INVENTORI PERSONALITI WARNA (IPW)

4.1 Pengenalan 46
4.2 Teori Personaliti Warna Sidek 46
4.3 Instrumen IPW 46
4.4 Carta Alir Pentadbiran 47
4.5 Penerangan Konstruk 48
4.6 Perkaitan instrumen IPW dalam PdP, Kokurikulum dan HEM 49
4.7 Panduan Penggunaan Dashboard dan dapatan interpretasi 50

BAB 5 : LAMPIRAN CADANGAN CONTOH RPH 52-57

PENUTUP 58
RUJUKAN 59-60
JAWATANKUASA PEMBINAAN MODUL 61-64
AUTOGRAF 65

PRAKATA

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya maka Modul Psikometrik Merentas Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) ini telah dapat disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Modul ini merupakan langkah proaktif oleh Pejabat Pendidikan Daerah Tampin dalam pendigitalan psikometrik ke arah sebuah sistem yang dinamik dalam merentas PdP. Modul ini merupakan satu kesinambungan di mana pentaksiran psikometrik diurus untuk merancang dan melaksanakan PdP berdasarkan personaliti, minat dan kecenderungan murid agar menghasilkan PdP yang berkualiti.

Penghasilan modul ini selaras dengan Aspek 3.3.7 Pengurusan Pentaksiran Psikometrik dalam SKPM Kualiti@Sekolah di mana standard kualitinya diukur apabila pentaksiran kualiti diurus dengan sistematik dan terancang. Oleh itu modul ini diharapkan dapat membantu guru akademik untuk menggunakan pentaksiran psikometrik dalam merancang PdP sesuai dengan kelompok murid dalam kelas yang didepaninya. Ia diharapkan dapat memberikan kefahaman kepada semua pihak hubung kait antara pentaksiran psikometrik dan PdP.

Penyampaian modul ini diharapkan dapat menjelaskan konsep, maksud dan perkaitan instrumen IKP, IKeP, IMK dan IPW dalam merancang dan melaksanakan PdP yang berkualiti.

Diharapkan Modul Psikometrik Merentas Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang merupakan percubaan yang pertama dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada guru-guru khasnya dan ibubapa umumnya dalam mengenali personaliti, minat dan kecenderungan murid agar pelaksanaan PdP oleh guru dan bimbingan oleh ibubapa lebih berkesan. Seterusnya diharapkan ia dapat meningkatkan kemenjadian murid di semua sekolah di Daerah Tampin.

Sekian, terima kasih.



KATA-KATA ALUAN

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

DATO' HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera,

Alhamdulillah setinggi-tinggi syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya dapat pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberi sepatah dua kata ke atas penghasilan modul psikometrik ini.

Syabas dan tahniah terhadap usaha proaktif ini yang dilihat sebagai satu inovasi yang dapat membantu para pendidik memperkayakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam menghadapi cabaran generasi kini.

Modul psikometrik ini dihasilkan untuk memberi peluang kepada para pendidik dalam merancang alat bantu mengajar dan kaedah PdP bagi kelompok murid yang telah dikenalpasti konstruknya. Ini seterusnya menghasilkan PdP terbeza ke arah kemenjadian murid yang cemerlang.

Satu usaha yang murni dan sangat menepati perkembangan pendidikan. Walaupun konsep pentaksiran psikometrik telah diperkenalkan sejak 2007 tetapi masih terlalu jauh untuk dimanfaatkan sepenuhnya dalam meningkatkan proses PdP.

Modul ini selari dengan harapan KPM yang menekankan dan memperkasakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di dalamnya terdapat Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPSi). Seterusnya Jemaah Nazir melalui SKPM kualiti@sekolah telah menambah standard 3.3 Pengurusan Hal Ehwal Murid iaitu Aspek 3.3.7 Pengurusan pentaksiran psikometrik diurus untuk membangunkan potensi diri berdasarkan personaliti, minat dan kecenderungan murid.

Adalah diharap dengan adanya modul ini dapat membuka minda pendidik, para guru sepaya boleh merujuk dan menggunakan data pentaksiran psikometrik pelajar untuk membuat rancangan pengajaran harian (RPH) atau pemilihan pemimpin, pemilihan ketua-ketua kelas dan pemilihan calon aktiviti sukan dan kokurikulum yang mana selama ini hanya bergantung kepada data akademik sahaja.

Pihak KPM menyokong penuh usaha penghasilan modul ini sebagai inovasi untuk memajukan pendidikan di negara ini ke arah melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC).



KATA-KATA ALUAN

PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN

HJ ROSLAN BIN HUSSIN

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanallah Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya berasa bangga kerana PPD Tampin dapat menghasilkan Modul Psikometrik Merentas Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sebagai satu langkah proaktif menggunakan Pentaksiran Psikometrik dalam menghasilkan PdP yang berkualiti. Saya percaya kini tiba masanya untuk kita semua sedari keperluan psikometrik yang dilihat sebagai *platform* dalam memacu Program *Immersion*. Modul ini dilihat dapat mewujudkan perkongsian pintar bersama warga pendidik bagi kesinambungan dalam menyediakan ruang dan peluang kepada warga pendidik menghasilkan rancangan mengajar harian yang berfokus kepada personaliti murid. Penghasilan modul ini amat bertepatan memandangkan kaedah PdP yang tepat adalah signifikan kepada murid untuk memahami PdP sepenuhnya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada jawatankuasa kerja atas usaha gigih merealisasikan modul ini. Semoga modul ini dapat memberi manfaat kepada warga pendidik khususnya dan ibubapa amnya ke arah usaha merealisasikan peningkatan kemenjadian murid.

Saya berpandangan bahawa usaha menghubungkaitkan psikometrik ke dalam penghasilan PdP harus dilihat sebagai satu program yang berorientasikan *outcome* dan *value added* kepada guru yang mana kejayaannya bukan hanya diukur melalui penghasilan RPH, sebaliknya sejauh mana pelaksanaan itu berjaya menyumbang faedah kepada kefahaman yang mendorong ke arah penambahbaikan dalam pembelajaran dan kemenjadian murid ke arah yang luwes.

Akhir kata, syabas saya ucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian,

Wa Billahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabakatuh.
Terima kasih.



KATA-KATA ALUAN

PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH TAMPIN

TN. ALIAS BIN ABDUL SAMAD

Alhamdulillah dan syukur kepada Allah s.w.t kerana pasukan kami telah berjaya menghasilkan **Modul Psikometrik Merentas Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)** dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Usaha penghasilan modul ini susulan daripada isu kebergantungan pendidik daerah ini kepada data akademik semata mata dalam perancangan PdP. Sedangkan data psikometrik yang digunakan oleh Guru Kaunseling merupakan satu kesinambungan data yang boleh membantu menghasilkan PdP yang berkualiti dan berkesan. Penghasilan pentaksiran psikometrik ini memberi peluang kepada guru untuk mengenali karektor dan personaliti murid sebagai panduan merancang Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Harapan kami semoga **Modul Psikometrik Merentas Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)** dapat memberi manfaat dan pilihan kepada para pendidik untuk meningkatkan keberkesanan PdP.

Cita-cita dan harapan kami semoga masyarakat pendidik di daerah Tampin ini menyambut baik dan menyokong modul ini. Kami melakar impian, semoga ini menjadi titik permulaan psikometrik dalam PdP merentas kurikulum dapat dilaksanakan dengan berkesan serta menjadi sahabat setia kepada Guru Kaunseling dan semua guru Daerah Tampin.

Sekian, terima kasih.

BAB 1: PENGENALAN PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK

PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK

Konsep Pentaksiran Psikometrik telah diperkenalkan pada tahun 2007. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah untuk mengumpul maklumat tentang tret psikologi murid melalui kaedah pentaksiran psikometrik. Fungsi pentaksiran psikometrik ialah mengumpul data yang akan menyumbang kepada maklumat profil murid. Maklumat profil murid yang lengkap dan menyeluruh akan dapat membantu warga pendidik mengenal pasti potensi murid dan menggilap potensi ini.

Ujian Psikometrik merupakan satu kaedah standard dan saintifik yang digunakan untuk mengukur keupayaan mental dan gaya atau cara seseorang itu bertingkah laku. Tujuan ujian psikometrik itu direka adalah untuk mengukur sesuatu seperti ciri-ciri personaliti, kebolehan, kecerdasan, masalah atau gangguan dan banyak lagi yang berkaitan dengan sifat-sifat manusia. Ciri-ciri yang diukur menggunakan ujian psikometrik akan dijelaskan melalui kategori atau skor yang diperolehi oleh individu tersebut (Lailawati Madlan, Abdul Adib Asnawi, Chua Bee Seok & Jasmine Adela Mutang, 2019).

Pentaksiran psikometrik dalam sistem pendidikan negara ini merujuk aktiviti pentaksiran yang digunakan untuk mengenal pasti kebolehan semula jadi murid, personaliti, bakat, minat dan kecenderungan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Selain tret personaliti atau kebolehan murid yang bersifat semula jadi, pentaksiran psikometrik juga digunakan untuk mengenal pasti tret yang boleh dikembangkan secara tidak langsung melalui aktiviti pembelajaran di sekolah.

Pentaksiran Psikometrik diperkenalkan dalam sistem pendidikan adalah bertujuan untuk:

i. mengukur kebolehan semula jadi (innate ability) dan kebolehan yang diperolehi (*acquired ability*) seperti personaliti, minat kerjaya, aptitud atau kebolehan, kemahiran menyelesaikan masalah, dan kemahiran berfikir.
ii. mendapatkan deskripsi yang tepat mengenai profil psikologi individu atau kumpulan.
iii. memahami kekuatan dan potensi murid yang boleh dibangunkan bagi meningkatkan perkembangan pembelajaran dan pertumbuhan peribadi murid.
iv. meningkatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang sifat dan perbezaan individu
v. menyediakan maklumat tentang personaliti kerjaya yang realistik bagi meluaskan aspirasi

kerjaya murid.

Komponen Pentaksiran Psikometrik (PPsi)

- **Ujian Aptitud**

Secara umum, aptitud ialah komponen kompetensi sama ada yang bersifat semula jadi atau yang diperoleh, dipelajari atau dibangunkan melalui proses pembelajaran. Ujian ini memperihalkan kesediaan dan potensi murid dari segi mental atau fizikal untuk mempelajari sesuatu perkara atau melakukan sesuatu kerja pada tahap tertentu pada masa akan datang.

- **Ujian Aptitud Am**

Aptitud adalah kebolehan atau bakat semula jadi untuk belajar atau melakukan sesuatu perkara tertentu dengan mudah dan cepat. Ia kurang berkaitan dengan ilmu, budaya dan pendidikan, sebaliknya sangat berkaitan dengan kebolehan atau bakat dalaman yang diwarisi. Ujian Aptitud Am mengukur kebolehan minda seperti kemahiran menaakul dan verbal yang boleh digunakan untuk meramal prestasi pendidikan murid pada masa hadapan.

- **Ujian Aptitud Khusus**

Ujian Aptitud Khusus pula mengukur ciri yang menggambarkan potensi seseorang murid untuk menceburi bidang pembelajaran, aliran atau pekerjaan pada masa akan datang. Dalam bidang persekolahan, ujian ini digunakan untuk mengenal pasti dan menilai kesediaan, potensi, kesesuaian atau meramal kejayaan murid dalam pembelajaran seterusnya. Ujian Aptitud Khusus direka bentuk untuk mengenal pasti sama ada murid memiliki kecerdasan berikut:

1. Verbal Linguistik
2. Visual Ruang
3. Logik Matematik
4. Muzik
5. Naturalis
6. Kinestatik
7. Interpersonal
8. Intrapersonal dan
9. Eksistensial



Sumber:

Infografik google Multiple Intelligences

BAB 2: INVENTORI KECERDASAN PELBAGAI

IKP (SEKOLAH MENENGAH)

IKeP (SEKOLAH RENDAH)

PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK

Kecerdasan Pelbagai merupakan satu potensi yang ada dalam diri individu. Setiap individu mempunyai kecerdasan yang tersendiri dan unik untuk menyelesaikan persoalan atau masalah yang mereka hadapi. Gardner (1983) mendefinisikan kecerdasan pelbagai sebagai satu kecenderungan kecerdasan individu. Menurut beliau, kecerdasan adalah kebolehan untuk menyelesaikan masalah atau menghasilkan produk yang dinilai (dihargai) oleh satu atau pelbagai budaya.

"An intelligence is the ability to solve problems, or to create products that are valued within one or more cultural setting"

Gardner (1983) mendefinisikan kecerdasan pelbagai sebagai satu kecenderungan kecerdasan individu. Menurut beliau, kecerdasan adalah kebolehan untuk menyelesaikan masalah atau menghasilkan produk yang dinilai (dihargai) oleh satu atau pelbagai budaya. Kecerdasan Pelbagai merupakan satu potensi yang ada dalam diri individu. Setiap individu mempunyai kecerdasan yang tersendiri dan unik untuk menyelesaikan persoalan atau masalah yang mereka hadapi.

Kamus Dewan (2005), pula mendefinisikan kecerdasan sebagai kebolehan untuk melakukan pemikiran secara mujarad (abstrak), kebolehan untuk membuat penyeluruhan dan cara tindakan terhadap sesuatu situasi yang bermasalah.

Menurut David Wechsler (1974), kecerdasan ialah kebolehan individu memahami diri, persekitarannya, dan kepakaran yang ada padanya untuk menghadapi cabaran hidup dan menyelesaikan masalah. Kebolehan ini adalah bersifat sejagat atau pun universal. Binet (1905) pula, mendefinisikan kecerdasan sebagai kebolehan memahami dan membuat penaakulan yang baik bagi menyesuaikan diri dengan situasi atau persekitaran.

Kajian oleh Ikhsan Othman dan Rohizani Yaakub (2010) berdasarkan tinjauan pemerhatian menggunakan Senarai Semak Pemerhatian Sikap Saintifik dan Nilai Murni mendapati suasana pengajaran dan pembelajaran yang mengintegrasikan unsur-unsur kecerdasan pelbagai adalah bersifat kondusif serta berjaya memperkembangkan sikap saintifik dan nilai murni murid. Peratus murid kelas cemerlang yang dominan dengan dua atau tiga

kecerdasan pelbagai adalah lebih tinggi berbanding murid di kelas biasa. Pemerhatian kecerdasan ini merangkumi semua jenis kecerdasan seperti muzik, spatial, kinestetik dan lain-lain (Roman Yavich & Irina Rotnitsky, 2020).

Kesimpulannya, kecerdasan pelbagai adalah keupayaan manusia menggunakan bakat dan kebolehan yang ada pada dirinya untuk menyelesaikan masalah. Faktor yang membantu manusia menyelesaikan masalah ialah kebolehan dan keupayaan untuk membuat penaakulan, pemahaman dan penilaian terhadap sesuatu situasi dan keadaan yang dihadapi. Setiap murid mempunyai kecerdasan yang berbeza. Setiap kecerdasan itu perlu dinilai dan diadili secara sama rata. Kecerdasan murid-murid dapat dipertingkatkan melalui peluang-peluang pendidikan seperti menyediakan persekitaran yang luas dengan bahan dan aktiviti yang menyeronokkan.

Inventori Kecerdasan Pelbagai adalah satu komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melalui Pentaksiran Psikometrik (PPSi) yang merupakan medium yang digunakan untuk mengenalpasti atau menilai kesediaan, potensi, kesesuaian atau meramal kejayaan murid dalam pembelajaran seterusnya. Inventori ini dilaksanakan untuk murid Tahun 6 dan murid Tingkatan 3 untuk mengenalpasti kebolehan semula jadi murid, aptitud, personaliti, bakat, minat dan kecenderungan. Hasil daripada ujian ini, dapat digunakan sebagai rujukan guru dalam merancang strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut kebolehan murid.

TEORI KECERDASAN PELBAGAI

Teori Kecerdasan Pelbagai telah dikemukakan oleh Howard Gardner (1983). Kecerdasan manusia biasanya tidak boleh diwarisi kerana dipengaruhi oleh budaya, persekitaran, peluang pendidikan, makanan, pembelajaran dan lain-lain. Gardner telah membuat kajian terhadap pelbagai lapisan masyarakat termasuklah kanak-kanak biasa dan istimewa, juga kelompok penduduk yang mempunyai kriteria yang istimewa. Terdapat murid mencapai tahap yang tinggi dalam beberapa kecerdasan dan tahap yang rendah dalam kecerdasan yang lain. Manakala terdapat pula murid yang mempunyai kecerdasan yang tinggi dalam hampir kesemua sembilan kecerdasan ini. Setiap murid boleh diperkembangkan dalam kesembilan kecerdasan yang disenaraikan ke tahap yang tinggi sekiranya diberi galakan, pengayaan dan pengajaran yang sesuai. Sembilan kecerdasan keseluruhannya adalah saling berkait secara bersepadu semasa murid-murid melakukan sesuatu aktiviti.

Ada murid mencapai tahap yang tinggi dalam beberapa kecerdasan dan tahap yang rendah dalam kecerdasan yang lain. Manakala terdapat pula murid yang mempunyai kecerdasan yang tinggi dalam hampir kesemua sembilan kecerdasan ini. Setiap murid boleh diperkembangkan dalam kesembilan kecerdasan yang disenaraikan ke tahap yang tinggi sekiranya diberi galakan, pengayaan dan pengajaran yang sesuai. Kesemua sembilan kecerdasan adalah saling berkait secara bersepadu semasa murid-murid melakukan sesuatu aktiviti.

Teori kecerdasan pelbagai ini mengiktiraf kesemua kecerdasan yang terdapat pada individu, dan mempunyai kelebihan apabila diaplikasikan dalam pendidikan. Kecerdasan pelbagai boleh bertindak sebagai petunjuk kepada potensi seseorang. Murid boleh menggunakan kecerdasan yang dimiliki untuk membantu menguasai sesuatu yang dipelajari. Oleh itu murid boleh mengembangkan setiap kecerdasan ke tahap yang lebih tinggi melalui latihan dan keupayaan sendiri. Menurut Stefanie D. Wilson (2018), murid merangkumi tahap kecerdasan yang berbeza-beza dan mempunyai kekuatan dalam beberapa kebolehan serta kelemahan dalam kebolehan yang lain. Proses pembelajaran yang berkesan memerlukan pemikiran dan pertimbangan yang kritis mengenai pendekatan yang digunakan untuk melibatkan dan meningkatkan intelek murid.

2.1 INVENTORI KECERDASAN PELBAGAI (IKP) SEKOLAH MENENGAH


2.1.1 INSTRUMEN IKP

Kecerdasan Pelbagai mempunyai 9 domain/konstruk yang terdiri daripada kecerdasan verbal-linguistik, kecerdasan logik-matematik, kecerdasan visual-ruang, kecerdasan kinestetik, kecerdasan muzik, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal, kecerdasan naturalis dan kecerdasan eksistential. Instrumen Inventori Kecerdasan Pelbagai Tingkatan 3 dibangunkan berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Howard Gardner. Terdapat dua bahagian, Kertas 1 (Kecekapan) dan Kertas 2 (Persepsi).

KERTAS 1: KECEKAPAN (Aneka Pilihan)			
BHG. A	VERBAL LINGUISTIK BM Item 1 - 20	20 ITEM	1 JAM
	VERBAL LINGUISTIK B1 Item 21 - 40	20 ITEM	
REHAT: 15 MINIT			
BHG. B	LOGIK MATEMATIK Item 1 - 20	20 ITEM	30 MINIT
	VISUAL RUANG Item 21 - 30	10 ITEM	20 MINIT
	JUMLAH	**70 ITEM**	**1 JAM 50 MINIT**

KERTAS 2: PERSEPSI (Dwi Pilihan)			
ITEM	**KONSTRUK**	**BIL. ITEM**	**MASA**
1 - 10	Kecerdasan Visual Ruang	10	45 MINIT
11 - 30	Kecerdasan Muzik	20	
31 - 50	Kecerdasan Naturalis	20	
51 - 70	Kecerdasan Intrapersonal	20	
71 - 90	Kecerdasan Interpersonal	20	
91 - 110	Kecerdasan Kinestatik	20	
111 - 130	Kecerdasan Eksistensial	20	
JUMLAH		**130**	

2.1.2 CARTA ALIR PENTADBIRAN INVENTORI KECERDASAN PELBAGAI



Tarikh :
Pengawas : Ditentukan oleh S/U peperiksaan
Sasaran : Murid Tingkatan 3
Tempat : Sesuai dan kondusif
(cth.: Dewan Peperiksaan)

- Arahan menjawab mengikut keperluan inventori

- Menjawab di atas borang jawapan
- Kertas ujian tidak boleh diconteng dan perlu dikembalikan

- Masa : **Kertas 1 (Kecekapan)** 1 jam 50 minit
  Kertas 2 (Persepsi) 45 minit

Kertas 1:
- Borang jawapan dikumpul mengikut prosedur peperiksaan
- Serah kepada Guru

Kaunseling Kertas 2:
- Murid mengira skor masing-masing dengan bimbingan Guru Kaunseling

- Pengesahan/tandatangan Guru Kaunseling
- Fail Unit Bimbingan dan Kaunseling (TERHAD)
- Simpan mengikut turutan nama dalam kelas
- Disimpan di Unit Bimbingan dan Kaunseling

2.1.3 PENERANGAN KONSTRUK

Menurut Nik Azlina Nik Ahmad, Sharifah Nina Shadzrina Syed Dzulkarnain (2020), berikut adalah interpretasi konstruk Kecerdasan Pelbagai.

BIL	KONSTRUK/KECERDASAN	INTERPRETASI	KARAKTER
1	**VERBAL LINGUISTIK** 	Keupayaan untuk bekerja dengan bahasa dan teks secara ideal. Keupayaan untuk memohon meta-linguistik untuk tujuan mengarang atau memahami bahasa. Orang yang mempunyai kecerdasan seperti ini suka membaca, menulis atau menyelesaikan teka silang kata.	***Word Smart :*** Tunjukkan kekuatan dalam seni dan bahasa. Mereka berkemungkinan besar akan berjaya dalam bilik kelas tradisional.
2	**LOGIK MATEMATIK** 	Kemahiran mengira, mengukur hipotesis dan bekerja dengan operasi matematik serta ungkapan aritmetik. Jenis ini kecerdasan bukan sahaja terdapat dalam genius matematik tetapi mereka yang terlibat dengan kejuruteraan, saintifik eksperimen serta membangunkan strategi untuk permainan dan tujuan forensik.	***Logic/Numbe r Smart:*** Kemukakan kapasiti mereka dalam nombor, penaakulan dan penyelesaian masalah.

3	**VISUAL RUANG** 	Keupayaan untuk berfikir dalam gambaran mental, penaakulan spatial, manipulasi imej, kemahiran grafik dan seni dan aktif berimaginasi. Mereka yang mengemudi kapal untuk pelayaran, pemanduan kapal terbang atau membina bangunan mempamerkan spatial kecerdasan ini.	***Picture Smart :*** Menunjukkan pembelajaran melalui visual dan menyusun sesuatu mengikut ruang.
4	**MUZIK** 	Keupayaan seseorang untuk mengenali nada, bunyi, pic, bunyi, irama dan bergema. Ini akan menyumbang kepada pengiktirafan muzik, penciptaan, dan pembiakan.	***Music Smart :*** Seorang yang belajar dengan baik melalui lagu, corak, irama, alat dan ekspresi muzik.
5	**KINESTATIK** 	Keupayaan untuk mengendalikan objek dan memiliki pelbagai kemahiran fizikal. Kemahiran ini mampu menggunakan minda dengan sempurna untuk mengawal badan pergerakan/tindakan dalam kesatuan.	***Body Smart :*** Berpengalaman belajar terbaik melalui aktiviti
6	**INTRAPERSONAL** 	Orang kecerdasan intra-peribadi adalah bermotivasi diri dan mempunyai kebolehan untuk memahami pemikiran orang lain dan perasaan	***Self Smart :*** Seseorang yang terutama berhubung dengan mereka sendiri perasaan, nilai dan idea

7	**INTERPERSONAL** 	Mereka yang memiliki kecerdasan seperti ini sesuai untuk menjadi pemimpin. Mereka sangat baik dalam komunikasi, yang boleh mempunyai interaksi yang berkesan, secara lisan atau bukan lisan dengan orang lain. ini kecerdasan mempunyai keupayaan untuk mencari perbezaan antara lain, dan mampu menangani perbualan daripada berbeza persepsi.	***People Smart :*** Sangat mesra dan berorientasikan orang, boleh berkomunikasi dengan baik dan belajar secara koperatif dalam kumpulan atau dengan pasangan.
8	**NATURALIS** 	Keupayaan untuk memahami ciri-ciri lain alam semula jadi seperti tumbuhan, flora, fauna, makhluk lain, tanah dan persekitaran.	***Nature Smart :*** Seorang yang memahami alam semula jadi dan kaitannya antara unsur hidup dan bukan hidup
9	**EKSISTENSIAL** 	Kecerdasan ini berkaitan dengan kebolehan memahami erti kewujudan manusia dan alam, memahami makna sesuatu kejadian, menggunakan daya intuisi yang tinggi dalam memhami realiti kehidupan	***Life Smart :*** Seseorang yang belajar dalam konteks kehidupan, memahami sebab kewujudan manusia

2.1.4 PERKAITAN INSTRUMEN IKP DENGAN PDP


BIL	KECERDASAN	AKTIVITI	PENDEKATAN PDPC/ AKTIVITI KOKURIKULUM
1	**Verbal Linguistik**	Teka-teki, membaca, menulis, bercerita, cipta puisi dan cerita dengan menggunakan bunyi dan imej perkataan	•
2	**Logik Matematik**	Melukis graf, *puzzle*	• Pembelajaran terbeza
3	**Visual Ruang**	Peta minda, *puzzle*, membina graf	• Pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah
4	**Muzik**	Menulis lagu bagi memahami konsep/subtopik	• Pembelajaran kecerdasan pelbagai • Pendekatan Didik Hibur
5	**Kinestatik**	Eksperimen, berlakon, nyanyian	• Pembelajaran di luar bilik darjah • Pendekatan Didik Hibur
6	**Intrapersonal**	Projek individu	• Pembelajaran berasaskan projek
7	**Interpersonal**	Projek berkumpulan, Guru Muda, Kad Imbasan	• Pembelajaran koperatif • Pendekatan Tematik
8	**Naturalis**	Menjalankan eksperimen sains secara *hands-on*, mereka bentuk bahan relia, mengendalikan sudut-sudut tumbuhan dan haiwan.	• Pembelajaran di luar bilik darjah
9	**Eksistensial**	Ceramah, tazkirah	• Pembelajaran berpusatkan murid

2.1.5 PENERANGAN DATA DAN ANALISIS GRAF IKP

Keputusan murid ditentukan berdasarkan skor yang diperolehi:

Skor 0 - 49	**RENDAH**
Skor 50 - 74	**SEDERHANA**
Skor 75 - 100	**TINGGI**

Contoh Pelaporan Individu



PELAPORAN PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK
TINGKATAN 3
TAHUN 2023

NAMA : NUR ATZA SYAFIQAH BINTI MUHAMMAD
NO PENGENALAN DIRI : 070324140696
NAMA SEKOLAH : SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT JALOR
NAMA KELAS : UPM

Skor Keputusan Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP)

TARIKH	VLM	VLI	MATH	VIS	MZK	NAT	ITR	ITE	KIN	EKS
16-01-2023	70%	80%	45%	70%	80%	45%	85%	95%	90%	90%


Petunjuk:

KONSTRUK/DOMINAN		SKOR	TAHAP
VLM	Verbal Lingualistik Bahasa Melayu	70%	SEDERHANA
VLI	Verbal Lingualistik Bahasa Inggeris	80%	TINGGI
MATH	Logik Matematik	45%	RENDAH
VIS	Visual Ruang	70%	SEDERHANA
MZK	Muzik	80%	TINGGI
NAT	Naturalis	45%	RENDAH
ITR	Intrapersonal	85%	TINGGI
ITE	Interpersonal	95%	TINGGI
KIN	Kinestetik	90%	TINGGI
EKS	Eksistensial	90%	TINGGI

ISTENSIAL

eseorang individu
asi, berinteraksi

Contoh Pelaporan Kelas



Carta menunjukkan murid Tingkatan 3 UPM mempunyai skor tinggi dalam dalam konstruk Interpersonal iaitu 20 orang. Ini menunjukkan murid mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik bersama orang lain sama ada secara lisan atau bukan lisan.

2.2 INVENTORI KECERDASAN PELBAGAI (IKeP) SEKOLAH RENDAH


2.2.1 INSTRUMEN IKeP

Instrumen ini terdiri daripada 90 item persepsi yang mewakili konstruk Ruang, Visual, Muzik, Naturalis, Intrapersonal, Interpersonal, Kinestatik dan Existential. Setiap konstruk mengandungi 10 item. Murid hanya perlu menjawab YA atau TIDAK pada pernyataan mengenai diri mereka di atas borang jawapan yang diberikan.

Item Kecerdasan Pelbagai ini telah di pra uji kepada murid Tahun 5 dan Tahun 6 mengikut kaedah persampelan berstrata. Sekolah yang dipilih untuk menguji item inventori ini terdiri daripada sekolah rendah di bandar, luar bandar, sekolah yang mempunyai prestasi tinggi, prestasi rendah dan prestasi sederhana, murid lelaki dan murid perempuan di Malaysia pada 2016. Data daripada pra ujian ini telah dianalisis untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan iaitu Kuder-Richardson 20 (KR-20) dan kesahan item iaitu Mean fit square (MNSQ). Item yang mempunyai darjah kesahan dan kebolehpercayaan yang baik dipilih untuk dijadikan instrumen.

CALON	MURID TAHUN 5	MURID TAHUN 6
FORMAT	BILANGAN ITEM 1. BILANGAN SOALAN 90 2. 10 ITEM DALAM SETIAP KONSTRUK 3. RESPON: YA ATAU TIDAK	BAHAGIAN A : PERSEPSI KECERDASAN PELBAGAI 90 ITEM BAHAGIAN B : KECEKAPAN PENAAKULAN DAN PENYELESAIAN MASALAH 30 ITEM RESPON: YA ATAU TIDAK
MASA	45 MINIT	1 JAM 30 MINIT
KONSTRUK	1. VERBAL LINGUISTIK 2. LOGIK MATEMATIK 3. INTRAPERSONAL 4. INTERPERSONAL 5. VISUAL RUANG 6. KINESTATIK 7. MUZIK 8. NATURALIS 9. EKSISTENSIAL	BAHAGIAN A (90 SOALAN) 1. VERBAL LINGUISTIK 2. LOGIK MATEMATIK 3. INTRAPERSONAL 4. INTERPERSONAL 5. VISUAL RUANG 6. KINESTATIK 7. MUZIK 8. NATURALIS 9. EKSISTENSIAL BAHAGIAN B (30 SOALAN) 1. KEMAHIRAN MENAAKUL 2. KEMAHIRAN MENYELESAIKAN MASALAH

2.2.2 CARTA ALIR PENTADBIRAN IKeP



Sasaran : Murid Tahun 5 & 6

Tempat : Sesuai dan kondusif

(Dewan/Bilik Peperiksaan)

Istilah :

1. Guru Bimbingan & Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)
2. Guru Bimbingan Lantikan Sekolah/Lantikan Dalaman (GBLS/GBLD)
3. Guru Penyelaras (GP)

- Arahan menjawab mengikut keperluan inventori
- Menjawab di atas borang jawapan
- Inventori tidak boleh diconteng dan perlu dikembalikan

- Masa : **45 minit**
- Murid berkeperluan khas diberikan tambahan masa 30 peratus daripada waktu yang diperuntukkan bagi murid biasa

- Murid mengira skor dengan bimbingan GBKSM/GBLS/ GBLD/GP
- GBKSM/GBLS/GBLD/GP akan memberikan tafsiran skor secara umum tentang konstruk IkeP

- GBKSM/GBLS/ GBLD/GP menganalisis skor.
- Fail unit Bimbingan & Kaunseling
- Pengesahan/tandatangan GBKSM/GBLS/ GBLD/GP
- Pengesahan/tandatangan GBKSM/GBLS/ GBLD/GP
- Simpan di dalam fail mengikut kelas,disusun secara turutan abjad
- Disimpan di Unit Bimbingan dan Kaunseling

- GBKSM/GBLS/GBLD/GAB membuat intervensi

2.2.3 PENERANGAN KONSTRUK IKeP

KONSTRUK	PENERANGAN
VERBAL LINGUALISTIK	Kebolehan murid menggunakan bahasa dengan efektif secara lisan dan bertulis. ● Murid mempunyai kemahiran mendengar, berfikir dalam bentuk perkataan, bercakap, menulis, bercerita, menerangkan, mengingat maklumat dan memahami perkataan. ● Murid sensitif terhadap makna perkataan dan mahir untuk memanipulasikannya. ● Murid cenderung untuk belajar dengan lebih baik melalui pembacaan, mengambil nota, berbincang dan berdebat mengenai apa yang mereka pelajari. ● Murid mampu mempelajari bahasa asing dengan mudah kerana mempunyai kebolehan untuk memahami dan memanipulasi sintaks. ● Murid pandai berbicara, gemar bercerita dan tekun mendengar cerita atau membaca.
VISUAL RUANG	Kebolehan untuk berfikir secara gambaran, imej, bentuk dan corak. ● Murid mampu untuk membentuk model secara visual dan mengaplikasikan model itu kepada dunia fizikal, seperti memahami peta, carta, gambar, video dan filem serta boleh melakar, melukis dan menterjemah imej secara visual. ● Murid berkeupayaan membuat penilaian tentang ruang dan membayangkan dalam mindanya. ● Murid mahir dalam menyelesaikan puzzle dan pembinaan struktur serta bijak menghubungkaitkan antara objek-objek dalam ruang. ● Murid berkebolehan menceritakan dan menggambarkan pengalaman yang pernah dilalui serta mempersembahkan idea-idea visual ruang dalam bentuk imaginatif dan kreatif.

LOGIK MATEMATIK	Kebolehan yang dominan di bahagian kiri otak. Ini membolehkan murid menaakul secara deduktif dan induktif serta berfikir secara konseptual dan abstrak. ● Murid yang cenderung dalam kecerdasan ini boleh menyelesaikan masalah kompleks yang berkaitan dengan matematik dengan mudah serta boleh membuat perkaitan, menyoal, menganalisis, mensintesiskan, mengira dan menggunakan komputer dengan cekap. ● Murid yang mempunyai kecerdasan Logik Matematik yang tinggi memperlihatkan minat yang besar terhadap kegiatan yang berbentuk eksplorasi. ● Murid sering bertanya tentang berbagai-bagai fenomena yang berlaku di persekitaran, suka menuntut penjelasan logik dari setiap pertanyaan dan suka mengklasifikasikan benda.
MUZIK	Kecerdasan Muzik berkaitan dengan sensitiviti terhadap bunyi, irama, melodi, dan lagu. Murid yang mempunyai kecerdasan Muzik berkebolehan mengesan dan membezakan bunyi, muzik serta irama yang terdapat di persekitarannya. ● Murid berkebolehan meluahkan perasaan melalui muzik dan berupaya bermain alat muzik serta menghafal lirik dengan baik walaupun tanpa latihan. ● Murid boleh menggubah rentak, tempo, mengenali dan mengingati nada-nada bunyi atau muzik.
NATURALIS	Kecerdasan Naturalis adalah berkaitan dengan minat terhadap alam semula jadi. ● Murid yang mempunyai kecerdasan Naturalis yang tinggi biasanya merupakan individu pencinta alam sekitar yang dapat mengenali dan mengklasifikasikan flora, fauna, dan galian.

KINESTETIK	Kebolehan murid menggunakan sebahagian atau keseluruhan anggota tubuh badan untuk berkomunikasi dan menyelesaikan masalah. ● Murid cekap menginterpretasi pergerakan anggota atau tubuh, lebih cenderung melakukan aktiviti yang berkait dengan pergerakan badan seperti bersukan, menari, gimrama dan lain-lain. ● Murid mahir memanipulasi objek fizikal dan dapat mengimbangi antara pergerakan fizikal dengan mental. ● Murid boleh belajar dengan lebih berkesan melalui aktiviti yang melibatkan pergerakan otot seperti sukan atau tarian.
INTERPERSONAL	Kebolehan individu memahami perasaan, sikap, tabiat serta hasrat orang lain. ● Murid dapat berinteraksi dengan mudah dan boleh bekerjasama dengan orang lain untuk menghasilkan sesuatu yang berfaedah serta dapat memberi motivasi kepada orang lain. ● Individu mampu membezakan pelbagai petanda interpersonal dan boleh memberi maklum balas terhadap petanda tersebut. ● Murid mempunyai kecerdasan interpersonal yang tinggi biasanya boleh berkomunikasi dan berinteraksi dengan berkesan. ● Murid mempunyai empati yang tinggi, suka menolong orang lain dan minat membina hubungan sosial dengan orang lain. ● Murid boleh belajar dengan berkesan melalui kaedah berkumpulan.

EKSISTENSIAL	Kebolehan memahami erti kewujudan manusia dan alam, memahami makna sesuatu kejadian, menggunakan daya intuisi yang tinggi dalam memahami realiti kehidupan. ● Murid menghargai dan menghayati nilai-nilai agama, nilai-nilai sejagat dan norma masyarakat. ● Murid meletakkan nilai-nilai ketuhanan dan kemanusiaan yang tinggi dalam mempertimbangkan sesuatu keputusan dalam kehidupan. ● Murid suka membaca buku-buku bercorak falsafah, bahan-bahan keagamaan, nilai-nilai tradisi dan suka mengamati sesuatu kejadian secara mendalam. ● Murid boleh belajar dengan berkesan melalui kaedah penyoalan, pemerhatian, renungan kendiri, inkuiri penemuan dan kaedah perkongsian.
INTRAPERSONAL	Kesedaran tentang diri sendiri dan berkebolehan untuk menilai diri sendiri. ● Murid mengenali diri sendiri secara mendalam dan mempunyai tanggapan tentang kekuatan dan kelemahan diri sendiri. ● Murid mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kebolehan mereka sendiri. ● Murid berpegang teguh pada prinsip kehidupan, mempunyai azam yang kuat, berdikari dan mempunyai hala tuju yang jelas. ● Murid lebih menyukai kaedah belajar secara bersendirian dan gemar melakukan refleksi kendiri (muhasabah diri). ● Murid adalah seorang yang introvert dan suka melakukan tugasan secara bersendirian.

2.2.4 PERKAITAN INSTRUMEN DENGAN PdP


BIL	KONSTRUK	CONTOH AKTIVITI	SUBJEK	PENDEKATAN
1.	**VERBAL LINGUISTIK**	1. BRAIN OUT 2. PENGUCAPAN AWAM 3. SAMBUNG CERITA	BAHASA	• Pembelajaran berpusatkan murid
2.	**LOGIK MATEMATIK**	1. PUZZLE 2. MENYUSUN, MENGELAS BLOK 3. PENGASINGAN OBJEK	MATEMATIK RBT SEMUA SUBJEK	• Pembelajaran terbeza
3.	**VISUAL RUANG**	1. MELUKIS/PETA MINDA 2. SUSUN ATUR 3. IMAGINASI	MATEMATIK PSV PJPK	• Pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah
4.	**MUZIK**	1. MENCIPTA LIRIK 2. BERMAIN ALAT MUZIK 3. MENYANYI	MUZIK BAHASA SEMUA SUBJEK	• Pembelajaran kecerdasan pelbagai • Pendekatan Didik Hibur
5.	**KINESTATIK**	1. PERTUKANGAN 2. REKACIPTA 3. LDK	RBT SEMUA SUBJEK	• Pembelajaran di luar bilik darjah • Pendekatan Didik Hibur
6.	**INTRAPERSONAL**	1. REFLEKSI DIRI 2. PENILAIAN KENDIRI 3. MENULIS JURNAL	SEMUA SUBJEK	• Pembelajaran berasaskan projek
7.	**INTERPERSONAL**	1. KOMUNIKASI 2. SIMULASI 3. DEMONSTRASI & PERKONGSIAN	SEMUA SUBJEK	• Pembelajaran koperatif • Pendekatan Tematik
8.	**NATURALIS**	1. LAWATAN 2. UJIKAJI 3. MENGKAJI ALAM	SEMUA SUBJEK	• Pembelajaran di luar bilik darjah
9.	**EKSISTENSIAL**	1. KAJIAN KES 2. KEROHANIAN 3. MOTIVASI	PENDIDIKAN ISLAM	• Pembelajaran berpusatkan murid

2.2.5 PENERANGAN DATA DAN ANALISIS GRAF IKeP

Keputusan murid ditentukan berdasarkan skor yang diperolehi:

Skor 0 - 49	**RENDAH**
Skor 50 - 74	**SEDERHANA**
Skor 75 - 100	**TINGGI**

SKOR INDIVIDU



P

SKOR KEPUTUSAN APTITUD TAHUN 6

KONSTRUK	SKOR
VERBAL LINGUISTIK	90
LOGIK MATEMATIK	100
INTRAPERSONAL	100
VISUAL RUANG	90
NATURALIS	100
INTERPERSONAL	100
KINESTATIK	100
MUZIK	90
EKSISTENSIAL	100
KEMAHIRAN MENAAKUL	15
KEMAHIRAN MENYELESAIKAN MASALAH	10

1. LOGIK MATEMATIK	**2. INTRAPERSONAL**	**3. NATURALIS**

Kecenderungan dalam penyelesaian masalah dan meyelesaikan masalah yang memerlukan penaakulan	Kesedaran tentang diri sendiri dan berkebolehan untuk menilai diri sendiri	Kecerdasan Naturalis adalah berkaitan dengan minat terhadap alam semula jadi

2.3 CADANGAN INTERVENSI PERKAITAN INSTRUMEN DENGAN PdP

BIL	KECERDASAN	SUBJEK/TAJUK	PENDEKATAN PdP	OBJEKTIF	AKTIVITI
1	**KINESTATIK**	BAHASA MELAYU (NOVEL TIRANI)	Pendekatan Didik Hibur (Lakonan)	Murid dapat melakonkan tindakan Zahid apabila anak yang dilahirkan oleh Waheeda tidak mewarisi kecantikan Waheeda	✔ Murid mengambil kad arahan yang mengandungi tugasan ✔ Murid melakukan tugasan iaitu tindakan Zahid berdasarkan emosi (marah, sedih, gembira, takut)
2	**VERBAL LINGUISTIK**	BAHASA INGGERIS (Cerpen)	Pendekatan Berpusatkan Murid (Membaca petikan cerpen)	Murid dapat membaca teks cerpen dengan sebutan dan intonasi yang betul	✔ Guru memperdengarkan audio membaca petikan cerpen yang betul ✔ Murid membaca petikan cerpen berdasarkan contoh audio yang diberikan oleh guru
3	**LOGIK MATEMATIK**	MATEMATIK Tajuk: Operasi	Pendekatan Berpusatkan Murid	Mempertingkatkan kecerdasan berfikir dan mengingat	✔ Guru mengajar sambil menyanyi dan mencipta formula bagi memudahkan murid untuk mengingat. (memasukkan muzik atau lagu dalam pembelajaran)

4	**VISUAL RUANG**	Pendidikan Seni Visual (Warna)	Pembelajaran berpusatkan murid	Murid dapat meningkatkan daya imaginasi mereka.	✔ Guru menunjukkan beberapa warna ✔ Murid boleh menceritakan apa sahaja pengalaman yang mempunyai perkaitan dengan warna tersebut.
5	**INTRAPERSONAL**	Sains (Fotosintesis)	Pendekatan Berasaskan Projek	Murid dapat mengumpul data secara individu @ berkumpulan mengenai fotosintesis	✔ Guru memberi arahan untuk mengumpul maklumat fotosintesis daripada pelbagai sumber (internet, buku, majalah, telefon)
6	**INTERPERSONAL**				
7	**MUZIK**	PENDIDIKAN MUZIK	Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai (Mencipta Lirik Lagu)	Murid dapat mencipta lirik lagu berdasarkan melodi lagu yang dipilih.	✔ Guru memilih serta memberikan beberapa bukti contoh lagu yang mempunyai melodi dan irama lagu yang mudah. ✔ Murid-murid dapat menghasilkan lirik lagu mengikut keupayaan mereka.

8	**NATURALIS**	SAINS (Kitar Semula)	Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai	Murid menghasilkan produk/ item daripada bahan-bahan terbuang atau rosak	✔ Guru menyediakan bahan-bahan seperti cawan plastik/ baju terpakai/ majalah/ batang aiskrim ✔ Murid-murid dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan dan setiap kumpulan mendapat 1 bahan. ✔ Setiap kumpulan diminta untuk menghasilkan 1 produk dan diminta untuk menjual produk tersebut
9	**EKSISTENSIAL**	SEJARAH (Kemerdekaan Tanah Melayu)	Pendekatan Tematik (Patriotik)	Murid dapat menyemai semangat patriotik dalam diri murid	✔ Guru meminta murid melukis Jalur Gemilang di kertas lukisan. ✔ Guru menayangkan video (filem) tentang kemerdekaan ✔ Murid menyatakan perasaan masing-masing

2.4 INTERPRETASI SKOR IKP/IKeP

KONSTRUK	DIFINISI OPERASIONAL	INTERPRETASI SKOR	
VERBAL LINGUISTIK	Kebolehan menggunakan bahasa dengan efektif sama ada secara lisan dan bertulis. Individu ini mempunyai kemahiran mendengar dan berfikir dalam bentuk perkataan. Kemahirannya meliputi mendengar, bercakap, menulis, bercerita, menerangkan, mengingat maklumat dan memahami perkataan. **Tokoh :** Munshi Abdullah dan William Shakespeare. **Kerjaya** : pengarang, pensyarah, wartawan, penyunting, penyair, penulis skrip dan novelis.	Tinggi 75% - 100%	kecerdasan yang tinggi untuk menggunakan bahasa dengan efektif secara verbal dan bertulis, boleh berkomunikasi dengan lancar, suka berdebat dan berceramah.
		Sederhana 50% - 74%	Individu ini mempunyai kecerdasan yang sederhana dalam aspek komunikasi.
		Rendah 0% - 49%	Individu ini mempunyai kecerdasan yang rendah dalam menggunakan bahasa secara verbal dan bertulis.
VISUAL RUANG	Kebolehan untuk berfikir secara gambaran, imej, bentuk dan paten(corak). Kebolehan untuk membentuk model secara visual dan mengaplikasikan model itu kepada dunia fizikal. Individu ini gemar melihat peta, carta, gambar, video dan filem. Kebolehan individu ini termasuk membaca, menulis, memahami carta dan graf, melakar, melukis dan menterjemah imej secara visual. **Tokoh** : Galileo Galilei dan Leornado Da Vinci	Tinggi 75% - 100%	Individu mempunyai daya imaginasi yang tinggi terhadap sesuatu ruang dan banyak idea yang kreatif, suka kepada gambar, graf, video dan filem, mempunyai kemahiran mereka cipta.
		Sederhana 50% - 74%	Individu ini mempunyai tahap kecerdasan yang sederhana dalam imiginasi, membentuk model secara visual dan mengaplikasi model itu kepada dunia fizikal.
		Rendah 0% - 49%	Individu ini mempunyai daya imaginasi yang rendah dan tidak suka menggunakan gambaran atau rajah dalam sesuatu penyelesaian.

	Kerjaya : Arkitek, jurugambar, pengukir, pereka pakaian, pereka dalaman, kartunis , Perancang Bandar, pelumba motor, jurusolek, juruterbang, ahli pelayaran, angkasawan dan pelukis		
LOGIK MATEMATIK	Kebolehan yang dominan di bahagian kiri otak ini membolehkan seseorang menaakul secara deduktif dan induktif serta berfikir secara konseptual dan abstrak. Individu yang cenderung dalam kecerdasan ini boleh menyelesaikan masalah kompleks yang berkaitan dengan matematik dengan mudah serta boleh membuat perkaitan, menyoal, menganalisis, mensintesis, mengira dan menggunakan komputer dengan cekap. **Tokoh** : Bill Gates dan Warren Buffet **Kerjaya** : Saintis, pakar statistik, ahli ekonomi, juru audit, akauntan dan aktuaris	Tinggi 75% - 100%	Individu yang mempunyai kecerdasan yang tinggi dalam menaakul, mentafsir, menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan nombor. Individu juga suka kepada perkara berstruktur, rutin dan terperinci serta berjadual.
		Sederhana 50% - 74%	Individu ini mempunyai kecerdasan yang sederhana dalam menaakul, menyelesaikan masalah yang kompleks dan penggunaan perisian yang sederhana.
		Rendah 0% - 49%	Individu ini tidak berminat menggunakan domain dalam otak kiri dan dalam menyelesaikan masalah.
MUZIK	Kebolehan untuk berfikir dalam bentuk muzikal, mendengar dan mengecam paten,membezakan antara bunyi dan cipta Muzik.Sensitif dengan bunyi di persekitaran. Kemahiran individu ini ialah menyanyi, bersiul, mengubah muzik, mengingati melodi,memahami struktur dan	Tinggi 75% - 100%	Individu ini mempunyai kecekapan berkaitan dengan muzik serta berkebolehan dalam mengendalikan alat muzik.
		Sederhana 50% - 74%	Individu ini mempunyai kecerdasan yang sederhana dalam muzik seperti menyanyi dan bermain alat muzik.
		Rendah 0% - 49%	Individu ini tidak peka kepada bunyi-bunyian, nyanyian serta

	rentak muzik. **Tokoh**: Tan Sri P.Ramlee, Ramli MS, Habsah Hassan, Beethovan, Kitaro dan Kenny G.		tidak boleh bermain alat muzik dan mengubah lagu.
NATURALIS	Mengenali dan mengklasifikasikan flora, fauna dan galian dengan mudah. Lebih menghabiskan masa di luar dan gemar mendengar bunyi-bunyian yang terdapat di alam sekitar. Individu yang sensitif terhadap alam sekitar dan dapat menghubungkaitkan antara kehidupan flora dan fauna. **Tokoh**: Steve Irwin **Kerjaya**: Ahli biologi, zoologi, ahli botani, ahli geologi,doktor haiwan, nelayan, pendaki gunung, renjer hutan,ahli astronomi, juru foto alam, tukang kebun dan veterinari	Tinggi 75% - 100%	Individu ini mempunyai kecerdasan yang tinggi terhadap kehidupan alam sekitar dalam kategori flora, fauna dan galian, seorang pencinta alam dan juga seorang yang penyayang kepada kehidupan.
